Permohonan Bekalan Elektrik

TENAGA NASIONAL BERHAD

Aktiviti Teras TNB

Meliputi bidang:-

- **Penjanaan (*Generation*)**
- **Penghantaran (*Transmission*)**
- **Pembahagian (*Distribution*)**

} **TENAGA ELEKTRIK**

Jumlah pengguna TNB adalah melebihi 7.3 juta.

Bahagian Pembahagian, TNB Semananjung Malaysia dibahagikan kepada Dua Operasi Wilayah

Wilayah	Negeri
Operasi Wilayah 1	Selangor, Wilayah Persekutuan, Putrajaya/Cyberjaya, Negeri Sembilan, Melaka and Johor
Operasi Wilayah 2	Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Terengganu and Kelantan

Bahagian Pembahagian

Bahagian Pembahagian

Bekalan Voltan

275 kV, 132kV, 33kV, 22 kV∗ and 6.6 kV∗, 11kV, 400/230V
(Nota: (*) 22kV dan 6.6KV sistem bekalan elektrik - Terdapat sebilangan kecil sistem berkenaan yang beroperasi di Negeri Johor dan Perak)

Voltan Rendah

I. Satu-fasa, 230V, sehingga 12 kVA Kehendak Maksima
ii. Tiga-fasa, 400V, sehingga 45 kVA Kehendak Maksima
iii. Tiga-fasa, Current Transformer (C.T.) metered, 40V, sehingga 1,000 kVA Kehendak Maksima.

Voltan Sederhana & Voltan Tinggi

I. Tiga-fasa, 11kV bagi beban 1,000 kVA Kehendak Maksima & ke atas
ii. Tiga-fasa, 22kV atau 33kV bagi beban 5,000 kVA Kehendak Maksima & ke atas
iii. Tiga-fasa, 66kV, 132kV & 275kV bagi beban yang tinggi melebihi 25 MVA kehendak maksima.

Jenis – Jenis Pencawang TNB Bagi Tujuan Pemberian Bekalan Elektrik Kepada Pengguna

a) Pencawang Elektrik (PE) 11Kv

b) Pencawang Pembahagian Utama (PPU) – 33kV

c) Pencawang Masuk Utama (PMU) – 132kV & 275 kV

Proses Permohonan Bekalan Elektrik

Dua Kategori Utama:-

1. ***Permohonan Bekalan Elektrik bagi Beban sehingga 100kVA***

   – ***Misalnya pengguna–pengguna domestik dan perdagangan kecil***

2. ***Permohonan Bekalan Elektrik bagi Beban melebihi 100kVA***

   – ***Misalnya pengguna–pengguna industri, perlombongan, perdagangan besar.***

Proses Permohonan Bekalan Elektrik

1. *Permohonan Bekalan Elektrik bagi Beban sehingga 100kVA*

- **Pemohon (Pengguna) hendaklah melantik Kontraktor Pendawaian Elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga untuk melakukan kerja pendawaian di dalam premis yang perlukan bekalan elektrik.**

- **Borang Permohonan Elektrik TNB (yang diisi dengan lengkap) perlu dimajukan oleh Kontraktor kepada pejabat TNB (Kedai Tenaga) di kawasan masing-masing dengan maklumat - maklumat dan dokumen - dokumen berikut:-**

Bahagian Pembahagian

1. *Permohonan Bekalan Elektrik bagi Beban sehingga 100kVA*

- ✓ **Rajah Skematik pendawaian.**
- ✓ **Pelan lokasi / tapak premis (*site plan*) yang memerlukan bekalan elektrik.**
- ✓ **Salinan Kad Pengenalan(KP) / Pasport**
  (Nota: Kementerian /Agensi Jabatan dikecualikan KP tetapi surat perakuan diperlukan).
- ✓ **Sekiranya permohonan atas nama Syarikat, Borang 9 atau Borang 49 diperlukan.**

Bahagian Pembahagian

1. *Permohonan Bekalan Elektrik bagi Beban sehingga 100kVA*

✓ **Sekiranya premis adalah milik pemohon, salinan dokumen berikut perlu disertakan:-**

- **Surat Perjanjian Jual Beli atau Geran *atau***
- **Resit bayaran cukai pintu terkina *atau***
- **Lain-lain dokumen yang sah & menunjukkan permohonan boleh didaftarkan atas nama pengguna.**

✓ **Sekiranya premis bukan milik pemohon, dokumen berikut perlu disertakan:-**

- **Surat daripada pemilik memberi kebenaran menduduki premis *atau***
- **Surat pengesahan daripada Sykt/Jabatan/JKR/Pejabat Daerah (bagi kuarters atau bangunan Sykt/Kerajaan) *atau***
- **Lain-lain dokumen yang sah & menunjukkan permohonan boleh didaftarkan atas nama pengguna.**

Bahagian Pembahagian

1. *Permohonan Bekalan Elektrik bagi beban sehingga 100kVA*

- **Bagi Borang Permohonan yang lengkap, nombor *New Connection* (*NC* number) akan dikeluarkan.**
- **Memproses permohonan dan melaksanakan kajian untuk sambungan bekalan elektrik.**
- **Membuat perancangan sambungan bekalan seperti jumlah tiang yang diperlukan, panjang kabel dan lain - lain.**
- **Mengira anggaran kos sambungan bekalan dan Cas Sambungan Pengguna (CSP).**
- **CSP dikira mengikut beban pepasangan elektrik pemohon dan sesalur bekalan yang akan disediakan.**

1. *Permohonan Bekalan Elektrik bagi Beban sehingga 100kVA*

- **Panduan pengiraan CSP boleh dirujuk kepada Kenyataan Cas Sambungan yang telah diluluskan oleh Kerajaan.**
- **Notis Cas Sambungan Pengguna (CSP) disediakan dan dimaklumkan kepada Kontraktor.**
- **Kontraktor / Pemohon membuat bayaran CSP.**
- **Kontraktor boleh mula kerja - kerja pendawaian di premis.**
- **TNB akan mula menyempurnakan kerja-kerja pemasangan sesalur bekalan atau servis (Kerja Servis).**

Bahagian Pembahagian

1. *Permohonan Bekalan Elektrik bagi Beban sehingga 100kVA*

- **Kerja Servis selesai, TNB sediakan Notis Wang Cagaran dan dimaklumkan kepada Pemohon / Kontraktor.**

  Nota : ***Wang Cagaran dikira berdasarkan anggaran jumlah bil untuk 2 bulan penggunaan elektrik.***

- **Pemohon membuat bayaran Wang Cagaran.**

- **Kontraktor majukan Borang G & H (selepas pendawaian di dalam premis siap dipasang dan diuji) kepada TNB.**

  Nota: ***Borang G – Perakuan Penyelidikan dan Penyiapan kerja elektrik***
  Borang H – Perakuan Ujian pepasangan

Bahagian Pembahagian

1. *Permohonan Bekalan Elektrik bagi Beban sehingga 100kVA*

- **TNB memasang meter dan menyambungkan bekalan elektrik ke premis.**
- **Kontrak Bekalan Elektrik ditandatangani dan salinan dikembalikan kepada pemohon.**
- **Bil elektrik pertama akan diserahkan selepas 30 hari penggunaan tenaga elektrik.**

2. Permohonan Bekalan Elektrik bagi Beban melebihi 100kVA

- **Kelulusan Pelan Pembangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (*One Stop Centre*) perlu di perolehi (Sila rujuk Lampiran 1 untuk proses kelulusan Pelan Pembangunan).**

LAMPIRAN 1

Electricity Supply Application For New Development Requiring Development Plan Approval

Authorities Approval Process at One Stop Centre (OSC)

Development Plan approval is required from the Local Authority which is currently being coordinated and processed by the One Stop Centre (OSC):-

- **Applicant appoints Electrical Consultant for Electrical Infrastructure Plan and to be included in the proposed Development Plan**

LAMPIRAN 1

Electricity Supply Application For New Development Requiring Development Plan Approval (cont)

- Applicant submits application on proposed Development Plan (DP) to OSC.
- OSC forward DP to Technical Agencies including TNB for comments prior to approval by OSC.
- TNB studies the proposal and discuss with Applicant / Electrical Consultant if required.
- TNB comments and submits back to OSC within 14 days and technical comments by TNB are valid for two years.
- OSC reviews comments & if it is in order and acceptable, approves the Development Plan.

2. Permohonan Bekalan Elektrik bagi Beban melebihi 100kVA

- **Pemohon melantik Jurutera Perunding Elektrik (JPE) yang akan bertindak sebagai wakil pemohon. Surat rasmi perlantikan perlu disediakan oleh pemohon.**
- **JPE bagi pihak pemohon majukan surat untuk permohonan bekalan elektrik kepada pejabat TNB (Kedai Tenaga) di kawasan masing - masing. Maklumat - maklumat dan dokumen - dokumen yang perlu disertakan adalah seperti berikut:-**

➢ **Pelan Pembangunan (*Development Plan*) Yang Diluluskan.**

➢ **Pelan lokasi / tapak premis (*site plan*) yang memerlukan bekalan elektrik termasuk lokasi meter yang akan dipasang.**

➢ **Pelan lokasi Pencawang yang dicadangkan (yang disahkan oleh pihak Perunding).**

Bahagian Pembahagian

2. Permohonan Bekalan Elektrik bagi Beban melebihi 100kVA

- **Alamat pepasangan dan premis.**
- **Tarikh sasaran bekalan elektrik diperlukan.**
- **Nama dan alamat Jurutera Perunding, Kontraktor Elektrik, Pemohon / Pemaju, Arkitek, Jurukur.**
- **Rajah Skematik Pepasangan / *Single Line Diagram*.**
- **Pelan lokasi Bilek Suis Utama.**
- **Maklumat Beban Tersambung dan Kehendak Maksima.**
- **Surat pengesahan Majlis Tempatan (PBT) mengenai penggunaan pepasangan sesalur atas / kabel bawah tanah.**
- **Cara Perjangkaan.**
- **Diskette / CD bagi semua pelan di atas.**

2. Permohonan Bekalan Elektrik bagi Beban melebihi 100kVA

- **TNB proses permohonan.**
- **Mesyuarat antara TNB & JPE diadakan untuk muktamadkan keperluan teknikal. Pemohon digalakkan hadir bersama. Bekalan mungkin memerlukan pembinaan pencawang elektrik baru.**
- **Mengira anggaran kos sambungan bekalan dan Cas Sambungan Pengguna (CSP).**
- **CSP dikira mengikut beban pepasangan elektrik pemohon dan sesalur bekalan yang akan disediakan.**

Bahagian Pembahagian

2. Permohonan Bekalan Elektrik bagi Beban melebihi 100kVA

- **Panduan pengiraan CSP boleh dirujuk kepada Kenyataan Cas Sambungan yang telah diluluskan oleh Kerajaan.**
- **Notis Cas Sambungan Pengguna (CSP) disediakan dan dimaklumkan kepada JPE.**
- **JPE / Pemohon membuat bayaran CSP.**
- **Kontraktor Elektrik yang dilantik oleh pemohon akan mula kerja – kerja pendawaian di premis.**
- **Disamping itu, tapak dan bangunan pencawang baru TNB (sekiranya perlu) hendaklah disediakan oleh pemohon.**
- **Pemohon serahkan tapak dan bangunan pencawang baru kepada TNB. Tapak tanah perlu diserahkan secara pindahmilik atau pajakan.**

2. Permohonan Bekalan Elektrik bagi Beban melebihi 100kVA

- **TNB akan mula menyempurnakan kerja - kerja pemasangan sesalur bekalan.**
- **TNB membuat pemasangan peralatan di pencawang baru dan mulatugas (*Commission and Energise substation*).**
- **Kontraktor Elektrik bagi pihak pemohon memajukan borang permohonan untuk sambungan bekalan elektrik ke premis serta bagi menyempurnakan kontrak bekalan elektrik.**
- **TNB mengeluarkan Notis Wang Cagaran bersamaan anggaran jumlah bil untuk 2 bulan penggunaan elektrik.**
- **Pemohon membuat bayaran Wang Cagaran dan majukan Borang G & H.**

2. Permohonan Bekalan Elektrik bagi Beban melebihi 100kVA

- **TNB memasang meter dan menyambungkan bekalan elektrik ke premis.**
- **Kontrak Bekalan Elektrik ditandatangani dan salinan dikembalikan kepada pemohon.**
- **Bil elektrik pertama akan diserahkan selepas 30 hari penggunaan tenaga elektrik.**

Bekalan Elektrik Sementara

Bekalan sementara diadakan untuk memenuhi keperluan bekalan elektrik pada suatu tempoh terhad, bukan merupakan bekalan terjamin.

Ia dimaksudkan untuk memenuhi keperluan bekalan bagi tapak kerja pembinaan, lokasi sesuatu majlis sambutan, pesta ria / sarkas, pertunjukan dan majlis perayaan.

Permohonan bagi bekalan sementara perlu dimajukan secara berasingan dengan menyatakan maklumat keperluan beban.

Pemohon hendak menyediakan sendiri keseluruhan infrastruktur elektrik yang diperlukan di mana TNB hanya akan melaksanakan ‘termination’ dan pemasangan meter.

Bekalan Elektrik Sementara *(samb)*

Bayaran kepada TNB

Pengguna perlu membayar kepada TNB kos kerja penyambungan dan ‘termination’ sebagai Cas Sambungan Pengguna (CSP).

Wang cagaran (*deposit*) elektrik akan dikenakan bersamaan jumlah bil elektrik 2 bulan.

Tarif yang dikenakan adalah mengikut kategori pengguna serta ditambah surcaj 33.33% ke atas jumlah bil bulanan pengguna.

Tempoh surcaj 33.33% ini yang dikenakan adalah selagi pengguna mengambil bekalan sementara.

Tarif

Tarif adalah suatu caj yang dikenakan kepada pengguna secara bulanan atas kegunaan bekalan elektrik.

Caj ini diluluskan oleh Kerajaan.

Kategori-Kategori Tarif

Kategori-kategori tarif adalah seperti berikut:-

Tarif A	-	Domestik (Kediaman)
Tarif B, C1 & C2	-	Komersil (Perdagangan)
Tarif D, E1, E2, & E3	-	Industri
Tarif F, F1 & F2	-	Perlombongan
Tarif G & G1	-	Lampu Jalan
Tarif H, H1 & H2	-	Pertanian Spesifik

Cas Sambungan Pengguna

- Cas sambungan adalah bayaran yang dikenakan kepada pengguna untuk sambungan bekalan elektrik baru dan / atau bekalan elektrik tambahan yang dipohon oleh pengguna.

- Ia dikenakan untuk mendapatkan kembali sebahagian perbelanjaan modal TNB yang diperlukan untuk memberikan bekalan kepada pengguna berkenaan yang tidak dapat ditampung menerusi kadar tarif

- Ini adalah selaras dengan kandungan Seksyen 27, Akta 447 Akta Bekalan Elektrik 1990.

Bahagian Pembahagian

Kadar cas sambungan TNB dikenakan mengikut 3 kategori utama berdasarkan Buku Kenyataan Cas Sambungan:

- Pengguna Kategori 1 :
  Pengguna Voltan Tinggi (HV)
- Pengguna Kategori 2 :
  Pengguna Voltan Sederhana (MV)
- Pengguna Kategori 3 :
  Pengguna Voltan Rendah (LV)

TENAGA NASIONAL BERHAD

e-Application

- Pengguna boleh mengisi Borang Permohonan Bekalan Elektrik secara online melalui laman web TNB.
- Station TNB masing - masing boleh mendapat maklumat permohonan melalui sistem computer.
- Pengguna - Pengguna individual dan pemaju - pemaju perumahan adalah digalakkan untuk memohon melalui e-Application.
- Methodologi permohonan melalui e-Application adalah cepat dan effisen.

TARGET USERS

Pihak-Pihak Yang Boleh Menggunakan e-Application:-

- Pengguna-Pengguna Individual
- Kontraktor-Kontraktor Elektrik
- Pemaju-Pemaju Perumahan

CARTA ALIRAN e-APPLICATION INDIVIDU



Nota:

Electricity Supply Application Handbook (2nd Edition)
boleh didapati laman web TNB: ***http://www.tnb.com.my***

Isu - Isu Yang Kerap Timbul Dalam Permohonan Bekalan Elektrik

1. Permohonan yang dimajukan tidak lengkap.

2. Pihak Konsultan / Kontraktor mengemukakan permohonan lewat iaitu apabila bangunan atau premis hampir siap dibina.

3. Lewat dalam bayaran Cas Sambungan atau Wang Cagaran.

4. Mengubah keperluan- keperluan teknikal setelah perkara - perkara teknikal atau pembayaran CSP dimuktamadkan seperti perubahan dalam beban elektrik, permintaan untuk ciri-ciri khas, dsb.

Terima Kasih